



**KPWKM**

**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

**PROGRAM**

**SEMARAK SKUAD WAJA SABAH 2022**

**LOKASI / TARikh / MASA**

**IMAGO SHOPPING MALL, KOTA KINABALU, SABAH /  
5 JUN 2022 (AHAD)**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Keluarga Malaysia

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

## (A) **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita semua dapat bertemu dan berkumpul dalam suasana yang penuh ceria dan meriah pada hari ini **sempena Majlis Perasmian Program Semarak Skuad Waja Sabah 2022.**
2. Sesungguhnya **kehadiran dan komitmen anda semua dalam Program Skuad Waja ini amat penting dan bermakna dalam usaha memperkasakan wanita dan memberi kesedaran kepada seluruh masyarakat untuk sama-sama melindungi wanita terutamanya dari sebarang bentuk keganasan.**

## **(B) LATAR BELAKANG SKUAD WAJA**

3. Para hadiran yang saya muliakan, perlaksanaan Skuad Waja telah bermula semenjak pengumuman YAB Perdana Menteri sempena Majlis Sambutan Hari Wanita pada 8 Mac 2021 yang lalu dan Majlis Pelancaran Skuad Waja telah disempurnakan pada 17 Oktober 2021. Skuad Waja yang bermaksud Skuad Wanita Anti Jenayah merupakan program sukarelawan yang dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran seluruh masyarakat untuk mengambil tindakan bagi menghentikan keganasan terhadap wanita.
  
4. Penubuhan Skuad Waja ini merupakan inisiatif yang amat bertepatan dengan objektif Kementerian dalam memastikan golongan wanita dilindungi dan masyarakat cakna akan perilaku jenayah yang

**berlaku di sekeliling mereka.** Kewujudan Skuad Waja dalam komuniti ini dilihat memberi impak yang positif terutamanya kepada mangsa yang sangat-sangat memerlukan sokongan dan bimbingan, maklumat serta sumber rujukan yang boleh membantu mereka terus kuat dan bebas dari berterusan menjadi mangsa. **Skuad Waja berperanan sebagai rujukan masyarakat** khususnya wanita dengan merujuk kes mangsa kepada pihak-pihak yang mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam mendapatkan pertolongan profesional.

5. **Peranan Skuad Waja juga telah diperluaskan sebagai ejen perkhidmatan psikososial dalam komuniti** dalam usaha meningkatkan pengetahuan wanita bukan sahaja dari aspek perundangan dan hak wanita, tetapi juga melalui empat (4) aspek utama dalam pemerkasaan wanita iaitu **ekonomi, kemahiran, keseimbangan dan kepimpinan (4K)**.

6. Untuk pengetahuan para hadirin sekalian, program Sukarelawan Skuad Waja ini adalah berbeza dengan program sukarelawan yang lain di mana bagi melengkapkan diri sebagai Sukarelawan Skuad Waja, ahli Skuad Waja **akan menerima latihan berstruktur menggunakan Modul Skuad Waja** yang dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).
7. Modul ini memberi fokus kepada penyampaian ilmu dan kemahiran asas **bimbingan dan psikologi** dalam usaha **meningkatkan keseimbangan kendiri, keluarga, komuniti setempat dan masyarakat** keseluruhannya di samping **pengetahuan mengenai literasi undang-undang**. Pembangunan Modul ini menjadi asas agar keseragaman

dalam latihan dan gerak kerja Skuad Waja itu terpimpin dan tidak tersasar dari matlamatnya.

**(B) STATISTIK KEGANASAN RUMAH TANGGA.**

8. Kes keganasan rumah tangga semakin hari semakin hebat dilaporkan di media perdana dan media sosial. Menurut Statistik PDRM sepanjang **Januari hingga April 2021**, sebanyak **627** kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan dan **dari jumlah tersebut**, di **Sabah** dilaporkan **sebanyak 126** kes. Pada tahun ini pula, **dalam tempoh yang sama** iaitu **Januari hingga April 2022**, dilaporkan **sebanyak 576** kes iaitu terdapat sedikit penurunan, namun di **Sabah bagi tempoh yang sama** iaitu **Januari hingga April 2022** ialah **sebanyak 145** kes. Walaupun berlaku sedikit peningkatan di Sabah, namun kita boleh sama-sama menangani

isu dengan kerjasama padu dari semua pihak, termasuklah bila Skuad Waja memainkan peranannya dalam komuniti.

**(C) SKUAD WAJA DI SABAH**

Hadirin dan hadirat sekalian,

9. Semenjak program Skuad Waja **dilancarkan pada tahun 2021, jumlah Skuad Waja yang telah dilatih pada tahun 2021 adalah seramai 120,693 orang.** Manakala dari Januari hingga **26 Mei 2022, seramai 172,003 Sukarelawan Skuad Waja telah berdaftar menjadikan keseluruhan ahli Skuad Waja adalah seramai 292,696.**

10. **Di Sabah**, kita mempunyai seramai **21,387 ahli Skuad Waja yang terdiri daripada 12,228 wanita dan 9,159 lelaki. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua yang telah menjadi Keluarga Skuad Waja!** Ribuan terima kasih atas semangat dan pengorbanan masa, tenaga serta keringat ahli Skuad Waja semua dalam memastikan kelancaran agenda pemerkasaan wanita dapat dilaksanakan.
11. Hasil daripada perlaksanaan Skuad Waja ini, **seramai 45,605 orang telah berjaya di santuni oleh ahli Skuad Waja** semasa program psikososial. Pelbagai **program psikososial** telah dilaksanakan oleh Skuad Waja Sabah bersama-sama dengan Pejabat Pembangunan Wanita Wilayah Persekutuan antaranya adalah:
  - i) Program Psikososial Kembara Skuad Waja Kota Belud

- ii) Kembara Skuad Waja Daerah Sandakan
  - iii) Program Psikososial Kembara Skuad Waja Tuaran
  - iv) Program Psikososial Kembara Skuad Waja Ranau
  - v) Program Psikososial Kembara Skuad Waja Beluran, dan
  - vi) Program Psikososial Kembara Skuad Waja Pulau Tatabuan.
12. Selain itu, pihak Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Skuad Waja Sabah juga telah membuat beberapa **kunjung hormat bagi memberi penerangan berkaitan Skuad Waja, objektif penubuhan Skuad Waja, serta aktiviti yang dilaksanakan dengan komitmen pemimpin wanita tertinggi Sabah** dalam melancarkan pelaksanaan program Skuad Waja. Antaranya ialah Kunjung Hormat kepada YABhg. Datin Seri Panglima Hajah Juliah Salag, isteri kepada YAB Ketua Menteri Sabah dan Kunjung

Hormat kepada Toh Puan Datuk Seri Panglima (Dr) Hajah Norlida binti Tan Sri Datuk R.M Jasni, isteri kepada TYT Sabah.

13. Dengan penglibatan secara aktif dan penganjuran program yang pelbagai, **saya percaya dan yakin Skuad Waja Sabah akan bergerak dengan lebih cemerlang dan dapat mengesan serta membantu lebih ramai wanita rentan dalam komuniti.**
14. Para hadirin yang dikasih sekalian, berdasarkan **Laporan Bajet Tahun 2022, Kementerian Kewangan** telah **memberi sedikit peruntukan** bagi tujuan pemerkasaan Skuad Waja dalam komuniti sepanjang tahun 2022. Untuk tujuan ini, **Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM175,000 bagi 25 daerah yang terdapat di Sabah** dalam memastikan keberkesanan dan kelancaran program Skuad Waja ini.

15. Kementerian berharap dengan jumlah peruntukan ini ahli Skuad Waja Sabah akan lebih giat dan bersemangat waja dalam menjalankan aktiviti psikososial dan menyantuni komuniti supaya peruntukan yang diamanahkan ini dapat digunakan dengan sebaiknya.

**(E) Penutup**

Puan-Puan dan Tuan-Tuan yang budiman,

16. Perlaksanaan Program Skuad Waja ini membuktikan kewujudan **sinergi yang baik di antara pihak kerajaan dengan komuniti** dalam menangani isu keganasan terhadap wanita. Ia juga merupakan amanah dan tanggungjawab yang perlu dikongsi oleh seluruh ahli masyarakat. Justeru,

semua inisiatif dan program yang dilaksanakan oleh Kementerian dan Jabatan Pembangunan Wanita patut digiatkan lagi dan disambut baik oleh masyarakat terutamanya untuk membantu mangsa keganasan.

17. Sekalung penghargaan kepada kerajaan Negeri Sabah dan agensi serta rakan strategik di Sabah seperti **Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Sabah (KPMKR), Jabatan Hal Ehwal Wanita (JHEWA), Majlis Penasihat Wanita Sabah, Pertubuhan Paradigma Wanita Sabah (AWAS) dan PAPISMA** serta **semua yang telah menjalinkan** kerjasama yang erat bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
18. Saya berharap ahli Skuad Waja Sabah akan terus **komited dan proaktif dalam memainkan peranan untuk membantu komuniti**. Saya juga

menyeru dan menggesa orang ramai dan masyarakat Sabah di luar sana untuk menyertai Skuad Waja kerana kita semua mahukan yang terbaik untuk Keluarga Malaysia kita.

19. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, **sekalung budi kepada semua ahli Skuad Waja Sabah** kerana turut bersama-sama berganding bahu dengan Kementerian dalam agenda pemerkasaan wanita. Segala tindakan dan peranan yang telah dijalankan oleh ahli Skuad Waja merupakan sesuatu yang sangat bermakna kepada mereka yang memerlukan.
20. Ingatlah bahawa di saat kita melakukan sesuatu untuk orang lain, manusia yang paling bahagia bukanlah mereka yang mendapat lebih banyak, tetapi

mereka yang memberi lebih banyak. Semoga segala khidmat bakti yang telah dilaksanakan oleh Skuad Waja akan menjadi saham di akhirat ibarat sungai yang mengalir tanpa henti.

Puteri Kadazan berkain Kelingkan  
Senyum sekilas tangan ditadah  
Sekalung penghargaan kami titipkan  
Skuad Waja Sabah memang hebat bah!

21. Akhir kalam, dengan kalimah suci “Bismillahir Rahmanir Rahim” saya merasmikan Program Semarak Skuad Waja Sabah 2022.

**“AYUH KITA SERTAI SKUAD WAJA”**

*Wabillahi taufiq walhidayah  
Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.*

**YB Dato' Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff**  
**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**

**3 Jun 2022**